

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 5 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 14

14

Nasional

5 JANUARI 2020 BH AHAD

Majoriti penjawat awam duduk menyewa

Kerajaan elok jadi 'orang tengah'

Syor perkenal inisiatif beli kediaman secara pukal turunkan harga

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my



Radzi Tajuddin

harga rumah perlu diturunkan. Bila ada 500 permohonan, selepas tapisan, kerajaan dapat 300 permohonan yang berjaya dan lulus pinjaman.

"Saya percaya penurunan lima hingga 10 peratus harga jualan rumah tidak menjejaskan pemaju dan kerajaan mempunyai data pembeli," katanya kepada BH.

Semalam, BH melaporkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mendapati 53 peratus daripada kakitangan awam menjadi responden dalam kaji selidik yang dijelankannya belum memiliki kediaman sendiri.

Sebaliknya, kebanyakan mereka sama ada masih menyewa, menetap di kuarters atau mendiami kediaman milik keluarga.

Radzi berkata, antara cadangan lain adalah memperkenalkan peraturan cukai baharu ke atas rumah yang tidak didiami dalam

ketiga boleh memainkan peranan sebagai 'orang tengah' dalam mencari data pembeli dan menjalankan tapisan kewangan bagi membantu mereka mendapat rumah.

"Sebagai contoh, kawasan Damansara, ada lebih 300 unit rumah tidak terjual tetapi pada harga yang agak tinggi. Kerajaan boleh bekerjasama dengan pemaju dalam mencari pembeli, tetapi

Kuala Lumpur: Kerajaan boleh memainkan lebih banyak peranan dalam menyelesaikan permasalahan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

Ketua Pegawai Eksekutif Hi HOME, Radzi Tajuddin, berkata kerajaan adalah memperkenalkan inisiatif pembelian rumah secara pukal.

Katanya, kerajaan atau pihak



Keratan akhbar BH semalam.

tempoh dua tahun seperti dilaksanakan di Hong Kong.

"Ia membantu mengurangkan permainan harga rumah dalam kalangan pihak ketiga. Namun ia tidak bermakna kita tidak boleh menjalankan pelaburan.

"Pelaburan itu boleh tetapi har-

tanah yang dibeli itu perlu diyakini mampu mendapat penyewa atau dijual balik dalam tempoh tertentu. Apa yang berlaku kini, banyak pihak, termasuk pembeli luar sekadar membeli bagi tujuan spekulasi harga," katanya.